

## TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI DEPOSIT BERTEMPOH-i BERASASKAN KONSEP TAWARRUQ (Tarikh Berkuatkuasa: 04 November 2019)

Terma dan Syarat khusus yang dinyatakan di sini akan diguna pakai bagi kesemua produk Deposit Bertempoh-i (TD-i) yang berasaskan konsep Syariah *Tawarruq* yang ditawarkan oleh Bank. Produk-produk ini adalah tertakluk di bawah undang-undang Malaysia dan prinsip-prinsip Syariah.

Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Umum bagi TD-i. Kesemua definisi yang digunakan dalam Terma dan Syarat Umum akan mempunyai maksud yang sama apabila digunakan di dalam Terma dan Syarat Khusus ini.

Bank dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa pada tarikh tersebut, Terma dan Syarat Khusus ini, struktur asas di sini dan Perdagangan Komoditi adalah patuh Syariah. Sehubungan itu, setiap pihak adalah bersetuju bahawa ia tidak akan menimbulkan sebarang pertikaian atau isu berhubung dengan pematuhan Syariah di dalam Terma dan Syarat Khusus ini serta transaksi Perdagangan Komoditi.

Terma dan Syarat Khusus ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat bagi setiap jenis produk / akaun yang terdapat dalam Terma & Syarat Umum. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburan atau pertikaian di dalam tafsiran Terma dan Syarat Khusus ini dan Terma dan Syarat yang dinyatakan bagi setiap jenis produk / akaun yang terdapat dalam Terma & Syarat Umum, Terma dan Syarat Khusus tersebut bagi setiap produk / akaun akan diguna pakai.

### 1.0 AM

1.1 Produk TD-i ini beroperasi berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq* di mana Pelanggan melantik Bank di bawah kontrak *Wakalah*, sebagai ejennya untuk membeli Komoditi daripada mana-mana peniaga komoditi dan menjualnya semula kepada Bank di bawah kontrak *Murabahah* melalui pembayaran secara tangguh.

Di bawah aturan ini;

- i Bank bertindak sebagai ejen akan membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan pada Harga Belian Komoditi yang bersamaan dengan jumlah yang didepositkan dengan Bank;
- ii Selepas itu Bank akan membeli Komoditi daripada Bank (ejen kepada Pelanggan) pada Harga Jualan yang akan dibayar kepada Pelanggan pada tarikh matang;
- iii Bank kemudiannya menjual Komoditi pada pihak ketiga.

1.2 Pelanggan yang memohon untuk membuka produk TD-i dengan Bank adalah tertakluk kepada Terma & Syarat yang mengawasi operasi produk TD-i dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

1.3 Terma & Syarat ini juga bertujuan untuk dibaca bersama dengan risalah-risalah, brosur-brosur atau mana-mana Terma & Syarat berkaitan yang dikeluarkan oleh Bank yang mana mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut jenis akaun yang dibuka oleh Pelanggan.

### 2.0 PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM")

2.1 Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250, 000 atau nilai mata wang asing yang bersamaan untuk setiap pendeposit dan tertakluk kepada versi terkini Garis Panduan yang dikeluarkan oleh PIDM dan termasuk apa jua pindaan berkanun atau membuat penggubalan semula.

### 3.0 DEFINISI

Di dalam Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut mempunyai maksud seperti yang berikut:-

"Ejen" bermaksud pihak Bank yang dilantik oleh Pelanggan bagi melaksanakan semua tindakan tertentu bagi pihak Pelanggan di bawah kontrak *Wakalah* dalam perkara-perkara berhubung dengan *Tawarruq* selaras dengan terma dan syarat di bawah.

"Deposit Bertempoh-i (TD-i)" bermaksud produk Deposit bertempoh berdasarkan konsep Syariah *Tawarruq* yang boleh ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada Deposit Bertempoh-i, Deposit Bertempoh-i Junior dan Deposit bertempoh baru yang mungkin ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Pemegang Akaun" bermaksud pelanggan Bank di mana permohonan TD-i telah diterima oleh Bank dan TD-i tersebut diselenggarakan dengan Bank

"Komoditi" bermaksud barangan dan / atau komoditi yang patuh Syariah (tidak termasuk item *ribawi* di dalam kategori medium pertukaran seperti mata wang, emas dan perak) yang boleh diterima oleh Bank, dibeli melalui mana-mana platform peniaga komoditi yang dilantik oleh Bank dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank yang akan dikendalikan sebagai aset pendasar bagi memudahkan transaksi *Tawarruq*.

"Perdagangan Komoditi" bermaksud urus niaga jual beli selaras dengan prinsip Syariah *Tawarruq*.

"Hamish Jiddiyyah" merujuk kepada Deposit Sekuriti (DS) yang diletakkan untuk menjamin akujanji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak perjanjian jual beli.

"Tarikh Kematangan" merujuk kepada tarikh kematangan TD-i seperti yang dinyatakan dalam slip Deposit bertempoh dan termasuk apa-apa pembaharuan kepada Tarikh Matang awalnya.

"Harga Belian" merujuk kepada sejumlah amaun yang bersamaan dengan Deposit Bersih Harian dan / atau Jumlah Baki Keseluruhan yang mana akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Tarikh Belian.

"Transaksi Belian" merujuk kepada apabila Pelanggan membeli Komoditi (melalui Bank yang bertindak sebagai ejen mereka) daripada peniaga komoditi pada Harga Belian.

"Rebat (*Ibra*)" merujuk kepada "pengecualian ke atas hak tuntutan" yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mana ia mempunyai kewajipan untuk menyelesaikannya.

"Transaksi Jualan" merujuk kepada apabila Pelanggan menjual Komoditi (melalui Bank yang bertindak sebagai ejennya) kepada Bank pada Harga Jualan.

"Harga Jualan" bermaksud sejumlah amaun yang perlu dibayar oleh Bank untuk memiliki Komoditi daripada Pelanggan berasaskan konsep *Murabahah* yang terdiri daripada Harga Belian Komoditi dan Keuntungan.

"*Tawarruq*" terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Melalui produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada mana-mana peniaga komoditi dan selepas itu, menjual Komoditi kepada Bank pada Harga Jualan berasaskan *Murabahah* yang mana akan dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Bank selepas itu menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.

"Tarikh Dagangan" merujuk kepada hari-hari bila mana Dagangan Komoditi dilaksanakan dari Isnin hingga Ahad dan di mana platform perdagangan komoditi dibuka untuk dagangan.

"*Wakalah*" bermaksud kontrak di mana satu pihak memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tindakan tertentu bagi hal-hal yang boleh diwakilkan secara sukarela atau dengan mengenakan bayaran.

"*Wa'd*" bermaksud janji atau akujanji, merujuk kepada ekspresi komitmen yang diberikan oleh suatu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa akan datang.

#### 4.0 PERLANTIKAN SEBAGAI EJEN

4.1 Berdasarkan konsep *Wakalah*, Pelanggan (bertindak sebagai "Prinsipal") bersetuju untuk melantik Bank (bertindak sebagai "ejen") dan Bank bersetuju untuk menerima pelantikan itu sebagai ejen Pelanggan untuk pembelian dan penjualan urusan Komoditi ("Perdagangan Komoditi") mengikut Terma dan Syarat ini. Bank hanya akan bertindak sebagai ejen Pelanggan dan tidak akan menganggap, atau dianggap atau telah menganggap, sebarang obligasi tambahan atau mempunyai sebarang hubungan istimewa dengan Pelanggan selain daripada yang dibayangkan dalam Terma dan Syarat ini.

4.2 Sebagai ejen kepada Pelanggan, Bank dalam tempoh deposit dan sebarang pembaharuan, mempunyai kuasa dan kebenaran seperti berikut:-

- i untuk melaksanakan dan menyempurnakan semua perkara yang berkaitan dengan pembelian komoditi secara tunai melalui perjanjian pembelian, sijil dan lain-lain suratcara; dan
- ii untuk menjual komoditi bagi pihak Pelanggan secara pembayaran tertunda kepada Bank pada jumlah kos bersama keuntungan ("*Harga Jualan Murabahah*") dan melaksanakan dan menyempurnakan semua perkara berkaitan jualan komoditi ("*Transaksi Jualan*").

4.3 Bank akan berusaha untuk memelihara kepentingan Pelanggan dengan sebaik-baiknya dan bertindak dengan ikhlas dalam melaksanakan kewajibannya untuk membeli dan menjual Komoditi.

4.4 Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal komoditi. Sekiranya Pelanggan menggunakan hak tersebut untuk mengambil penyerahan fizikal, semua kos dan perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

4.5 Pelanggan melindungi Bank terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dituntut oleh mana-mana pihak dan/ atau ditanggung atau dialami Bank akibat pembelian komoditi di bawah transaksi di sini sebagai ejen kepada Pelanggan atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap mana-mana tanggungjawab mereka di sini. Ganti rugi yang diberikan akan berkekalan walaupun Terma & Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar tidaklah tertakluk kepada apa-apa potongan sama ada dengan cara menolak tuntutan balas atau sebaliknya.

4.6 Pelanggan tidak boleh membatalkan pelantikan Bank sebagai ejen selagi akaun TD-i masih wujud. Pelantikan Bank sebagai ejen Pelanggan adalah terhenti dengan penutupan akaun tersebut.

4.7 Bank tidak tertakluk untuk memasuki sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapatnya dengan memasuki urusan niaga tersebut, Bank dan gabungannya akan terdedah kepada pelanggaran mana-mana undang-undang, dasar, syarat atau peraturan.

#### 5.0 TRANSAKSI DAGANGAN KOMODITI

5.1 Sebagai ejen Pemegang Akaun, Bank akan memasuki Transaksi Pembelian, dalam tempoh deposit atau sebarang pembaharuan, mempunyai kuasa dan kebenaran yang berikut:

- i Bank hendaklah menjalankan urusan niaga *Tawarruq* pada Hari Dagangan berikutan penempatan deposit; dan
- ii Bank hendaklah menjalankan urusan niaga *Tawarruq* pada Hari Dagangan berikutan pembaharuan penempatan.

5.2 Setelah bayaran dibuat oleh Pelanggan di mana harga komoditi adalah setara dengan jumlah deposit dengan Bank, Bank akan membeli komoditi tersebut daripada peniaga atau pembekal komoditi.

5.3 Bank dalam kapasitinya sebagai ejen Pelanggan, seterusnya akan menjual komoditi tersebut kepada Bank berdasarkan kontrak *Murabahah* secara bayaran tertunda. Harga jualan adalah mewakili:

- i Jumlah deposit; dan
- ii Keuntungan ke atas deposit

Pada Tarikh Matang, Bank akan membayar Harga Jualan kepada Pemegang Akaun. Pengiraan Harga Jualan adalah berdasarkan formula seperti berikut:-

i Pengiraan Keuntungan:

$$\text{Keuntungan} = P \times R \times T/365 \text{ atau } 366$$

Di mana:

P = Jumlah Prinsipal

R = Kadar Keuntungan (%) diberi semasa penempatan deposit

T = Tempoh (bilangan hari, dari tarikh penempatan deposit sehingga tarikh matang)

ii Pengiraan bagi Harga Jualan:

$$\text{Harga Jualan} = \text{Jumlah Deposit} + \text{Keuntungan (jumlah keuntungan diterima)}$$

Ilustrasi:

Jumlah Deposit	RM10,000.00
Kadar Keuntungan	3.40% setahun
Tempoh	12 bulan
Bilangan Hari	365
Tarikh Penempatan	1/1/2018
Tarikh Matang	1/1/2019
Keuntungan	RM340.00
Harga Jualan	RM10,340.00

1.2 Sekiranya Tarikh Dagangan lewat daripada tarikh Harga Belian yang dibayar kepada Bank, Harga Belian akan dianggap sebagai *Qard* (pinjaman) kepada Bank sebelum Transaksi Belian. Dalam hal ini, Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank untuk menggunakan Harga Belian dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.

1.3 Sehubungan dengan setiap Transaksi Pembelian, Bank (sebagai "Pembeli Komoditi") hendaklah memberi janji (*Wa'd*) kepada Pelanggan dan bersetuju untuk membeli semula Komoditi tersebut daripada Pelanggan apabila selesai Transaksi Pembelian.

#### 2.0 KADAR KEUNTUNGAN

2.1 Kadar keuntungan TD-i akan tertakluk kepada Kadar Keuntungan semasa bagi produk atau kempen yang akan dimaklumkan kepada Pemegang Akaun semasa pembukaan Akaun dan akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

2.2 Pelanggan boleh mengeluarkan keuntungan yang dibayar dalam tempoh masa penempatan, walau bagaimanapun, sekiranya Pelanggan membuat keputusan untuk menamatkan TD-i sebelum tempoh matang, Bank berhak untuk menarik semula keuntungan yang dikeluarkan oleh Pelanggan daripada jumlah pokok semasa pengeluaran dilakukan.

- 2.3 Keuntungan untuk produk-produk ini akan dikreditkan Bulanan / Suku Tahunan / Setengah Tahunan / Pada Tarikh Matang / Terlebih Dahulu atau Pendahuluan.
- 2.4 Bagi TD-i dengan keuntungan yang dibayar terlebih dahulu atau terdahulu, Bank akan bayar Pemegang Akaun Deposit Sekuriti (*Hamish Jiddiyah*) dalam jumlah yang bersamaan dengan keuntungan yang diperolehi dari Transaksi Perdagangan Komoditi atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Deposit Sekuriti yang diletakkan oleh Bank adalah untuk memastikan aku janji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak jual beli. Bank berhak menamatkan Deposit Sekuriti terhadap keuntungan yang diperolehi daripada Transaksi Perdagangan Komoditi yang perlu dibayar kepada Pemegang Akaun.

### 3.0 PEMBAHARUAN DEPOSIT

- 3.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa kesemua deposit amaun di bawah Deposit Bertempoh ditambah dengan hasil keuntungan yang tidak dikeluarkan pada Tarikh Matang akan diperbaharui secara automatik dengan membuat suatu Transaksi Komoditi Murabahah baru di bawah Tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa sewaktu pembaharuan. Pembaharuan tersebut juga tertakluk kepada peruntukan yang dinyatakan di dalam bahagian 5.0 di atas.

***Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.***

[TAMAT]

---